

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI [BAGAN DATUK]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang pihak Kementerian bagi menjana ekonomi di kawasan kampung atau luar bandar bagi mengurangkan masalah penghijrahan belia ke kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah merangka pelbagai strategi bagi menangani fenomena migrasi penduduk terutamanya golongan belia bagi merebut peluang dalam pelbagai bidang seperti pendidikan dan ekonomi akibat daripada proses pemandaran yang pesat.
2. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan beberapa program untuk memastikan golongan belia kekal di luar bandar. Ini adalah termasuk program-program ekonomi seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Desamall@Online, *Entrepreneurship Economic*

NO. SOALAN : 178

Development Transformation Program dan program-program keusahawanan di bawah agensi-agensi Kementerian termasuklah program pembiayaan perniagaan seperti Skim Pembiayaan Usahawan Teknikal (PUTEK) dan Skim Pembiayaan Belia (PUTRA). Ini adalah bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar termasuklah di kalangan belia.

3. Selain daripada itu, Kementerian juga akan memastikan belia luar bandar memilih TVET sebagai pilihan utama untuk menyambung pengajian dengan mengoptimumkan kapasiti institusi/ pusat TVET sedia ada di luar bandar dan memperkasakan modul latihan institusi TVET untuk memenuhi keperluan industri.

4. Maka dengan itu, Kementerian ini yakin melalui pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang ditawarkan, isu migrasi golongan belia luar bandar ke bandar akan dapat dikurangkan. Disamping itu, Kementerian juga sedang merangka program-program baharu untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, khususnya untuk memastikan belia luar bandar menikmati pendapatan berterusan (*sustainable*) melalui bidang perniagaan dan keusahawanan.